

## **PERINGKAT PERMULAAN ISLAM**

Muhammad Amin Saniman  
Teoh Hao Xuan  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Saniman, M. A., Xuan, T. H., & Jasmi, K. A.(2012). Peringkat permulaan Islam in *Prosiding Seminar Tamadun 2012* at Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 21 April 2012, pp. 283-298. ISBN 978-967-0194-19-6.

### **Abstrak**

Artikel ini mengupas secara ringkas sejarah Nabi Muhammad s.a.w. (570-632) sejak baginda pada zaman kanak-kanak sehingga ke zaman dewasa dan diangkap menjadi Rasul. Seterusnya, artikel ini juga membincangkan tentang pemerintahan khulafa' al-Rasyidin (632-661) yang terdiri daripada pemerintahan Abu Bakar, Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, dan Ali bin Abi Talib. Akhir sekali artikel ini turut menjelaskan tentang Fitnah Pertama fitnah yang berlaku kepada umat Islam sehingga lahirnya pemerintahan kerajaan bani ummayah.

# **PERINGKAT PERMULAAN ISLAM**

**Muhammad Amin Saniman  
Teoh Hao Xuan  
Kamarul Azmi Jasmi**

## **ABSTRAK**

*Artikel ini mengupas secara ringkas sejarah Nabi Muhammad s.a.w. (570-632) sejak baginda pada zaman kanak-kanak sehingga ke zaman dewasa dan diangkap menjadi Rasul. Seterusnya, artikel ini juga membincangkan tentang pemerintahan khulafa' al-Rasyidin (632-661) yang terdiri daripada pemerintahan Abu Bakar, Umar al-Khattab, Uthman bin Affan, dan Ali bin Abi Talib. Akhir sekali artikel ini turut menjelaskan tentang Fitnah Pertama fitnah yang berlaku kepada umat Islam sehingga lahirnya pemeritahan kerajaan bani ummayah.*

## **PENGENALAN**

Mengikut sejarah Islam, Ka'bah iaitu kiblat orang Islam dan rumah Allah dibina oleh Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s. Setelah berkurun berlalu, Mekah bukan sahaja menjadi tempat menziarah, Mekah juga menjadi pusat perdagangan bagi pedagang dan khalifah. Ini menyebabkan timbulnya percampuran budaya dan agama. Setelah beberapa waktu, ibadat yang mereka lakukan kepada yang Maha Esa bertukar kepada pemujaan berhala. Sejarah ada menyatakan, ketika Nabi Muhammad s.a.w mendapat wahyu pertamanya, terdapat lebih 360 berhala dan patung pemujaan yang diletakkan berdekatan dan di dalam Ka'bah yang disembah oleh orang arab ketika itu. Hanya segolongan kecil sahaja yang tidak mengikuti memuja berhala dan

setia beribadat pada Allah S.W.T. Mereka ini digelar “hunafa” dan dikenalpasti sebagai pengikut Nabi Ibrahim a.s. al-Quran sendiri menyatakan bahawa Nabi Ibrahim dan juga kepercayaan beliau adalah suci (hanif). Pada zaman Muhammad, hunafa yang terkenal pada waktu itu ialah Waraqah ibn Nawfal (Tariq Ramadan, 2007: 9).

## **NABI MUHAMMAD S.A.W (570-632)**

Didalam buku *“Life of the Prophet Muhammad”* Ibn Hisham memberitahu bahawa Ibn Ishaq menjelaskan dengan terang tarikh lahir Nabi Muhammad. Nabi Muhammad dilahirkan pada hari Isnin bersamaan malam ke 12 bulan Rabi al-Awwal pada tahun gajah. Walaupun banyak buku mempunyai pandangan lain di seluruh dunia tentang tarikh lahir Nabi Muhammad, para ulama menetapkan tarikh tersebut sebagai tarikh kelahirannya yang sebenar (Tariq Ramadan, 2007: 10).

### **Zaman Kanak-kanak**

Nabi Muhammad dilahirkan didalam salah satu puak yang terkenal dan dihormati oleh semua puak di Mekah iaitu Bani Hashim. Tetapi ketika usianya masih muda lagi, Nabi Muhammad kehilangan kedua ibu bapanya. Ketika ibunya Aminah baru mengandungkan Nabi Muhammad dua bulan, bapanya Abdullah meninggal dunia di Yathrib yang terletak di utara Mekah. Sebelum kelahiran Nabi Muhammad, Aminah merasakan pelbagai perkara yang pelik ketika mengandungkannya. Dia dapat merasakan bahawa anak kandungannya merupakan anak yang luar biasa. Sewaktu melahirkan Muhammad, Aminah langsung tidak merasakan sebarang kesusahan ataupun kesakitan. Tidak lama kemudian, Aminah sedar bahawa dia menjadi seorang ibu kepada seorang kanak-kanak luar biasa. Datuk Muhammad, Abd al-Mutalib bersama-sama merasai perasaan yang sama dirasai oleh Aminah. Abd al-Mutalib menjadi penjaga kepada Muhammad selepas beliau dilahirkan. Ia menjadi sebuah adat di Mekah di mana anak yang baru lahir harus diberikan kepada ibu susuan daripada kaum nomad Badwi yang hidup di padang pasir berdekatan. Namun begitu.

Muhammad ditolak oleh ramai ibu susuan kaum itu kerana Muhammad seorang yatim. Bagi pandangan mereka, sesiapa yang menjaga bayi yang tidak mempunyai bapa, mereka tidak akan mendapat keuntungan. Halimah dan keluarganya tiba lambat kerana haiwan tunggangannya letih. Oleh sebab itu, mereka terpaksa mengambil Muhammad sebagai anak susuan mereka kerana tidak mahu diejek dan dimaki oleh kaum mereka. Namun, Halimah dan suaminya, sama seperti Aminah menyedari bahawa Muhammad ialah seorang bayi yang istimewa.

Selama empat tahun, Muhammad hidup dibawah jagaan Halimah dan Bani Sad Baduwin di padang pasir arab. Beliau mengamalkan cara hidup nomad sama seperti penjaganya. Pada waktu ini, Muhammad tidak sedar bahawa beliau bakal menjadi pesuruh kepada yang Esa. Pada umur enam tahun, Aminah, ibunya meninggal dunia. Meninggalkan beliau keseorangan dan hanya bergantung kepada Tuhan (Karen Armstrong, 2002: 3).

### Zaman Dewasa

Sewaktu beliau dewasa, Muhammad bin Abdullah menjadi seorang pekerja. Pada bulan Ramadan 610M, beliau melalui pengalaman yang mengubah sejarah dunia. Setiap tahun pada masa tersebut, Muhammad akan pergi ke puncak Gunung Hira'. Gunung Hira' hanya terletak di luar bandar Mekah di kawasan Hijaz Arab. Di situ lah beliau ber-solat, berpuasa dan juga memberi sedekah kepada yang miskin. Walau-pun Mekah menjadi kawasan perniagaan yang berjaya, namun, ada nilai-nilai kaum mereka hilang. Mereka tidak mengendahkan golongan yang lemah dan miskin sama ada keluarga maupun kaum. Pada malam 17 Ramadan, Muhammad terjaga dari tidurnya dan mendapati dirinya lemah disebabkan kedatangan sesuatu yang tidak diketahuinya. Sedangkan, pada waktu itulah malaikat Jibril datang menurunkan wahyu kepada Muhammad. Jibril memeluk Muhammad sambil menyuruhnya untuk membaca (Karen Armstrong, 2002: 7).

Muhammad merahsiakan pengalamannya selama dua tahun. Dan kemudiannya menceritakannya kepada isterinya, Khadijah dan saudara

Khadijah, Waraqah ibn Nawfal, seorang kristian. Kedua-dua mereka percaya bahawa semua kejadian itu datang daripada Tuhan. Pada tahun 612M, beliau mula berdakwah. Dan setelah masa berlalu, beliau berjaya menarik beberapa pengikut. Antaranya ialah sepupunya Ali ibn Abi Talib, rakannya Abu Bakr dan seorang peniaga muda, Uthman ibn Affan yang merupakan ahli keluarga Umayyah. Namun begitu, kebanyakannya daripada pengikutnya adalah daripada puak-puak yang miskin, termasuklah sebilangan pengikut wanita. Kebanyakannya penduduk Mekah tidak berpuas hati dengan ajaran baru yang dibawakan oleh Muhammad. Mereka merasakan bahawa ajaran Muhammad sangat asing daripada semangat orang-orang Arab. Mesej Muhammad dalam ajarannya mudah sahaja. Beliau mengajar orang-orang arab untuk tidak mewujudkan kepercayaan baharu tentang Tuhan. Sedangkan kebanyakannya daripada kaum Quraisy pun percaya bahawa Allah menciptakan alam dan pada suatu hari nanti, Allah akan menghakimi segala manusia pada Hari Pembangkitan. Sama seperti kepercayaan Kristian dan Yahudi. Apa yang Muhammad lakukan ialah mengajar semula kepercayaan tuhan Yang Esa kepada penduduk Arab. Beliau tidak menyangka untuk menubuhkan sebuah agama baru. Apa yang beliau ajar hanyalah bersama-sama berkongsi kekayaan dan mewujudkan masyarakat yang lemah dan miskin juga diberi kehormatan. Jika kaum Quraisy tidak mengubah cara mereka, maka masyarakat mereka akan jatuh sama seperti masyarakat-masyarakat yang zalim yang ingkar untuk menuruti undang-undang asas kewujudan Yang Esa.

Namun, itu hanyalah teras daripada ajaran kitab baru yang diwahyukan kepadanya. Kitab tersebut diberi nama al-Quran (bacaan) kerana beliau dan kebanyakannya daripada pengikutnya buta huruf. Beliau menyampaikan ajarannya kepada pengikutnya mengikut tajuk (surah). Al-Quran diturunkan kepada Muhammad selama dua puluh satu tahun. Surah demi surah. Kebanyakannya pengikutnya mengikutnya hanya daripada bacaan indah al-Quran. Salah satu daripada mereka ialah Umar ibn al-Khattab. Umar merupakan penyembah berhala yang tegar dan nekad untuk menghalang Muhammad dan ajaran barunya. Namun begitu, beliau juga merupakan pakar kepada puisi bahasa arab. Dan pada pertama kalinya beliau mendengar bacaan al-Quran, beliau terpikat dengan keindahan bahasanya.

Ajaran baru yang dibawa oleh Muhammad kemudiannya dinamakan Islam. Seorang muslim bermaksud lelaki atau wanita yang bersumpah bahawa tiada tuhan selain Allah dan mengikut segala perintahnya dimana manusia harus berkelakuan baik antara satu sama lain dengan keadilan, tolak ansur dan berikuiti. Segala nilai-nilai ini ditunjukkan di dalam ritual sembahyang (solat) dimana setiap muslim harus melakukannya tiga kali sehari. (kemudian menjadi lima kali sehari). Namun begitu, masyarakat arab degil dan enggan untuk bersujud di atas tanah seperti seorang hamba. Tetapi, sujud direka untuk melawan sifat bongkak dan takbur yang semakin menular di tanah Mekah. Bersujud adalah untuk mengajar orang-orang islam untuk mengenepikan sifat takbur dan bongkak mereka dan menyedari bahawa di hadapan Yang Esa, mereka hanyalah hamba.

Setelah masa berlalu, penduduk Mekah semakin bertindak agresif terhadap orang-orang islam. Orang-orang Islam diseksa, dianiaya, disingkir dan dipulaukan. Akibat perbuatan tersebut, Muhammad meminta Negus, Raja Habsyah, untuk membenarkan pengikut-pengikutnya berhijrah ke sana. Negus sangat mengalu-alukan kedatangan mereka dan tidak membenarkan mereka diserahkan kepada pembesar-pembesar Mekah.

Pada musim haji, ramai yang datang ke Mekah untuk beribadat kepada Allah. Namun, masyarakat Quraisy menjadikan Ka'bah sebagai tempat sembahyang selain daripada Allah. Semua yang datang ke Mekah berasal dari berbagai daerah Arab dan juga mewakili berbagai suku ternama. Mereka menjadikan penziarahan ke Kaabah sebagai sebuah pesta tahunan. Orang daripada seluruh tanah Arab bertemu dan berhibur bersama-sama dalam ritual tradisi mereka dalam kunjungan tersebut. Muhammad mengambil peluang ini untuk memperluaskan ajaran islam. Antara mereka yang tertarik dengan ajaran beliau ialah sekumpulan orang daripada Yathrib. Mereka bertemu Nabi Muhammad dan beberapa orang islam dari Mekah ke sebuah perkampungan bernama Aqabah secara senyap. Setelah memeluk Islam, mereka bersumpah untuk membantu orang-orang islam di Mekah dan melindungi Islam. Pada tahun berikutnya kumpulan tersebut datang semula ke Mekah untuk bertemu dengan Muhammad di tempat yang sama. Tetapi pada kali ini, pakcik baginda, Abbas bin Abdul Mutalib yang belum menganut

agama Islam turut bersama hadir dalam pertemuan itu. Mereka mangajak Muhammad dan orang-orang Islam di Mekah untuk berhijrah ke Yathrib dan mereka berjanji untuk melayan orang-orang Islam dari Mekah sama seperti saudara mereka sendiri. Dan kemudian, Muhammad akhirnya bersetuju untuk berhijrah beramai-ramai ke bandar tersebut.

Setelah mengetahui rancangan masyarakat Islam Mekah untuk berhijrah ke Yathrib, masyarakat jahiliah Mekah cuba menghalang mereka. Namun, kumpulan hijrah pertama berjaya sampai ke Yathrib. Masyarakat jahiliah mekah mula bimbang kerana penghijrahan ke Yathrib akan memberi peluang kepada orang Islam untuk mengembangkan agama mereka ke daerah-daerah Arab yang lain. Setelah hampir dua bulan berhijrah, seluruh masyarakat Islam di Mekah berjaya sampai ke Yathrib kecuali Muhammad, Abu Bakar, Ali dan beberapa orang yang daif. Masyarakat jahiliah Mekah kemudian memutuskan untuk membunuh baginda. Muhammad sedar akan perkara ini tetapi Ali mengambil keputusan untuk menggantikan beliau dah tidur di kamar baginda. Akan tetapi, kesemua pembunuhan upahan tertidur pada malam tersebut dan memberikan peluang kepada Muhammad untuk mula berhijrah ke Yathrib. Dengan berbagai taktik dan rancangan yang diatur dengan rapi, Muhammad akhirnya sampai dengan selamat ke Yathrib. Yathrib kemudiannya dikenali sebagai Bandar Rasulullah.

Di Yathrib (Madinah), Rasulullah menjadi pemimpim kerajaan Islam. Umat Islam bebas mengerjakan solat di sana. Pihak Musyrikin Mekah sedar akan perkara ini dan bertindak dengan melancarkan serangan terhadap pihak muslimin. Antara serangan-serangan yang dilakukan ialah Perang Badr, Perang Uhud dan Perang Ahzab.

Satu perjanjian kemudian dibuat dengan pihak Quraisy Mekah. Perjanjian tersebut dinamakan Perjanjian Hudaibiah yang lebih memihak kepada pihak Quraisy. Namun begitu, perjanjian tersebut dicabuli oleh mereka kerana menyerang sekutu umat Islam. Orang Islam pada masa itu menjadi lebih kuat dan membuat keputusan untuk menyerang musyrikin Makkah justeru membuka kota Mekah kepada dunia.

Pada 11 Januari 630M bersamaan 20 Ramadan 8H , Nabi Muhammad bersama 10,000 tentera Islam tiba di Mekah dengan tujuan membebaskan kota Mekah dari pegangan Quraisy dan mengembalikan Ka'bah kepada asal.

**Jadual 1 Statistik Perang Perang Badar**

Tarikh	17 Mac 624M / 17 Ramadan 2H
Tempat	Badar
Keputusan	Pihak Muslim menang
Pihak	
Muslim dari Madinah	Quraisy dari Mekah
Pemimpin	
Nabi Muhammad s.a.w	Abu Jahal
Kekuatan	
313 infantri dan kavalri 2 kuda dan 70 unta	900 infantri dan kavalri 100 kuda dan 170 unta
Jumlah terkorban	
14 Terbunuh	70 Terbunuh 43-70 Ditawan

(Moenawar.K.H, 1999: 3)

**Jadual 2 Perang Uhud**

Tarikh	6 Mac 625M / 3 Syawal 3H
Tempat	Bukit Uhud
Keputusan	Pihak Quraisy menang
Pihak	
Muslim dari Madinah	Quraisy dari Mekah
Pemimpin	
Nabi Muhammad s.a.w	Abu Sufyan ibn Harb
Kekuatan	
1000 askar	3000 askar
Jumlah terkorban	
Lebih 70 terbunuh termasuk Hamzah ibn Abd Mutalib	23 terbunuh

(Moenawar.K.H, 1999: 134/4)

**Jadual 3 Perang Ahzab**

Tarikh	31 April 627M / Shawal 5H
Tempat	Madinah
Keputusan	Pihak Islam menang
Pihak	
Muslim dari Madinah	Quraisy dan sekutunya
Pemimpin	
Nabi Muhammad s.a.w	Abu Sufyan ibn Harb
Kekuatan	
3000 askar	10,000 askar
Jumlah terkorban	
Sedikit	Sangat banyak

(Moenawar.K.H, 1999: 213/5)

Disebabkan takut akan nyawa mereka terkorban, penduduk Mekah bersetuju untuk memberikan kota Mekah tanpa sebarang syarat. Kemudian Rasulullah mengarahkan tentera Islam supaya menghancurkan kesemua berhala yang berada di sekeliling Ka'bah (Moenawar. K.H., 1999: 137/7).

Nabi Muhammad s.a.w wafat pada hari Isnin, 8 Jun 632 di Madinah. Sewaktu kewafatan baginda, hampir kesemua suku kaum di Arab menjadi muslim dan sudah tentu sekali tiada lagi persengketaan antara pihak Quraisy dan Islam. Nabi Muhammad s.a.w membawa keamanan kepada negara Arab yang penuh dengan perperangan dan persengketaan (Moenawar.K.H., 1999:4/7).

### **KHALIFAH AR-RASYIDIN (632-661)**

Selepas kewafatan Rasulullah, perlantikan pemimpin Islam (khalifah) dilakukan secara syura iaitu perbincangan di antara para sahabat ataupun pilihan Khalifah sebelumnya. Khalifah ar-Rasyidin terdiri daripada empat orang. Abu Bakr, Umar Al-Khattab, Uthman Affan dan Ali bin Abi Talib

### **Abu Bakr**

Tempoh pemerintahan Abu Bakr adalah pendek (632-634) tetapi penting. Beliau menumpukan perhatiannya dalam *the war of riddah (apostasy)* apabila pelbagai suku kaum cuba untuk berpisah dari umat Islam dan menegaskan kebebasan mereka seperti pada masa lalu. Tetapi, adalah satu kesilapan jika lau kes ini dianggap sebagai pembelotan agama yang meluas. Pemberontakan ini keseluruhannya dipengaruhi oleh politik dan juga ekonomi. Kebanyakan suku Badwi yang memasuki Gabungan Islam mengabaikan butir-butir agama Islam. Nabi, seorang yang beralistik, mendapat bahawa ramai daripada pakatannya hanya bertujuan politik sahaja. Beberapa ketua percaya bahawa pakatan mereka adalah hanya dengan Muhammad dan bukan dengan pengantinya, dan selepas kematian Nabi mereka adalah bebas untuk menyerang puak-puak dalam umat Islam.

Walau bagaimanapun, ia adalah penting bagi pemberontak untuk berasa pemberontakan mereka didorong dengan justifikasi agama; dan pemimpin yang selepasnya diiktiraf sebagai nabi, menghasilkan Wahyu yang bergaya al-Quran. Orang-orang Arab melalui pelbagai pengalaman yang mendalam. Hal ini tidak "beragama" dalam erti kata moden perkataan ini, kerana bagi kebanyakan orang ia bukanlah satu kepercayaan, tetapi mengikut pemimpin mereka sahaja. Nabi melanggat acuan yang lama, dan orang Arab mendapati diri mereka sebagai masyarakat yang bersatu padu untuk kali yang pertama, bebas daripada beban peperangan yang sentiasa berterusan dan melemahkan. Dalam tempoh pemerintahan Muhammad yang pendek ini, mereka merasai kemungkinan cara hidup yang sangat berbeza, termasuklah ajaran agama yang berlainan. Peristiwa ini adalah sangat mengejutkan sehingga orang-orang yang ingin berpisah daripada umat Islam berfikir dari segi yang lain. Adalah berkemungkinan bahawa semasa peperangan riddah masyarakat Muslim mula menegaskan bahawa Muhammad adalah pemerintah berkualiti yang terakhir, tuntutan ini tidak dibuat dengan jelas dalam Al-Quran pula (Karen Armstrong, 2002: 25)

Abu Bakr menghentikan kebangkitan dengan hikmah dan pengampunan, dan hal ini menyatukan penyatuan tanah Arab.

Beliau menguruskan kes dan aduan pemberontakan dengan kreatif, dan tidak ada sebarang tindakan balas dendam yang diambil terhadap mereka yang meninggalkannya (Sayyed Hossein Nasr, 2003: 116)

### **Umar al-Khattab**

Umar menjadi khalifah bermula daripada 13/634 sehingga 23/644. Umar mengikuti jejak langkah Abu Bakr dan menegaskan terhadap kekuatan pegangan terhadap agama dan persepakatan antara negara-negara Islam yang semakin berkembang. Pada masa pemerintahannya lah orang Islam menawan Jerusalem. Umar menunjukkan rasa hormat beliau terhadap rumah-rumah ibadat orang-orang yahudi dan kristian. Dan seterusnya, di bawah pemerintahan Umar, Islam berjaya disebarluaskan sehingga ke Syria, Persia dan Afrika Utara. Umar menjalani hidup yang serba serdahana dan seperti Abu Bakr, beliau merupakan tokoh kealiman. Kebanyakan ahli sunnah percaya bahawa pemerintahan Umar adalah yang paling berjaya. Dari sudut pandangan praktikal, antara semua khalifah yang dipilih, Umar memimpin dan menubuahkan banyak institusi dan pentadbiran yang akan menjadi amalan kekal di dalam masyarakat islam. (Karen Armstrong (2002): 21)

### **Uthman bin Affan**

Umar kemudiannya diganti oleh Uthman yang dipilih sama seperti khalifah-khalifah sebelumnya. Pemerintahan beliau bermula daripada 23/644 sehingga 35/656. Uthman sedar terhadap krisis kewangan yang melanda Madinah dan daerah Arab yang lain. Walaupun ketegangan berlaku, termasuklah pemberontakan antara puak. Ramai yang mengatakan bahawa pemerintahan Uthman adalah berdasarkan nepotism (pemerintahan yang menyebelahkan rakan atau saudara terdekat), terutama sekali apabila beliau melantik saudaranya Mu'awiyah untuk memerintah Syria. Pemerintahan Uthman akhirnya menyebabkan rusuhan menentang beliau yang diketuai oleh anak lelaki Abu Bakr. Oleh sebab itu, Uthman terbunu di rumahnya sendiri (Sayyed Hossein Nasr, 2003: 117)

### **Ali bin Abi Talib**

Saidina Ali bin Abi Talib ialah sepupu Rasulullah s.a.w. dan juga menantu kepada baginda selepas beliau berkahwin dengan anak Rasulullah s.a.w., Fatimah. Saidina Ali juga khalifah terakhir dalam Khulafa al-Rasyidin dan imam pertama Islam selepas Rasulullah s.a.w. Beliau dilahirkan di Mekah pada 598M. Beliau juga ialah kanak-kanak pertama yang memeluk agama Islam semasa Rasulullah s.a.w. menerima wahyu daripada Allah S.W.T. Ayahnya, Abi Talib, bapa saudara Rasulullah S.W.T. ialah pembesar puak Quraisy pada masa itu. Beliau sentiasa menyokong Rasulullah semasa kezaliman pada orang muslim pada ketika itu. Pada 622M saidina Ali berkurban menggantikan tempat tidur Rasullah s.a.w. bagi mengelakkan satu percubaan bunuh terhadap baginda.

Semasa perang Badar berlaku, Saidina Ali Berjaya menumpaskan seorang jaguh Quraisy iaitu Walid ibni Utba. Beliau sentiasa menolong Rasullah s.a.w. dalam kemajuan umat Islam. Pada umur 26 tahun, beliau berkahwin dengan puteri Rasulullah, Fatimah al-Zahra yang berumur 18 tahun.

Pada 656M beliau menerima untuk menjadi khalifah setelah kewafatan Saidina Uthman bin Affan kerana dibunuh oleh pemberontak di rumah sendiri. Semasa pentadbiran beliau. Banyak perubahan yang dilakukan olehnya. Perkara pertama yang telah beliau lakukan selepas menjadi khalifah ialah mencari pembunuh sebenar yang membunuh Saidina Uthman mengikut syariat Islam dan beliau juga menghapuskan pemberontakan yang dilakukan oleh golongan Rafidhah yang menghasut para sahabat. Ummul mukminin Saidatina Aisyah, isteri Rasulullah s.a.w. dan dua orang lag sahabat Rasulullah Talhah ibn Ubaidillah dan Zubair ibn Awwam juga terlibat sama. Beliau turut berjaya dalam menumpaskan pemberontakan ini dalam perang Jamal (perang Unta).

Talhah dan Zubair dibunuh oleh golongan Rafidah yang mengaku sebagai saidina Ali manakala Saidatina Aisyah pulah dikembalikan semula ke Madinah oleh beliau.

Beliau mengarahkan 100 orang wanita yang menyamar sebagai orang laelaki yang menutup muka untuk menarik kembali Saidatina Aisyah untuk kembali ke Madinah. Selepas itu beliau melantik gabenor untuk menggantikan pentadbir yang dilantik oleh Saidina Uthman. Beliau

juga memindahkan pudat pentadbiran dari Madinah ke Kufah, Iraq. Beliau mencadang agar mengamankan dahulu penduduk yang berbaiah sebelum beliau menyiasat kes pembunuhan Saidina Uthman dengan menjalankan hokum qisas (Karen Armstrong, 2002: 32).

## **FITNAH PERTAMA**

Ali seolah-olahnya seorang pilihan yang paling jelas. Beliau membesar dalam isi rumah Nabi dan sejak kecil lagi dipenuhi dengan cita-cita yang digalakkan dan dipromosikan oleh Muhammad. Beliau bukan sahaja seorang tentera yang baik dan berdedikasi, tetapi juga menulis surat-surat inspirasi kepada pegawai-pegawaiannya, yang masih dalam teks Islam yang klasik, menekankan keperluan untuk mendapatkan keadilan dan juga kepentingan berurusan dengan orang-orang yang tertakluk menggunakan cara yang sesuai. Namun, walaupun keintiman beliau dengan Nabi, pemerintahannya tidak diterima secara universal seperti yang diharapkan. Ali menerima sokongan daripada *Ansar* dari Madinah dan orang-orang yang menentang kenaikan Umayya. Beliau juga menikmati sokongan daripada masyarakat Islam yang masih hidup secara tradisional, iaitu kehidupan bernomad, terutamanya di negara Iraq, yang bandar garrison Kufah adalah merupakan kubu Ali.

Selepas penangguhan yang ringkas, isteri kegemaran Muhammad yang bernama Aishah, bersama-sama dengan kerabat Talhah dan Zubayr, salah seorang daripada sahabat Nabi di Mekah, menyerang Ali kerana beliau gagal menghukumkan pembunuhan Uthman. Oleh sebab tentera Aishah berada dalam wilayah, pemberontakan ini berarak dari Madinah ke Basrah. Ali sedang berada dalam keadaan yang sangat sukar. Beliaunya sendiri mestilah terkejut dengan kes pembunuhan Uthman, yang mana, sebagai seorang yang warak, beliau tidak boleh membiarkan sahaja. Tetapi, penyokong beliau menegaskan dan mempercayai bahawa pembunuhan Uthman adalah adil, kerana dia tidak memerintah dengan adil, menurut ideal al-Quran. Ali tidak boleh berlepas diri dengan partisan-partisannya, dan mengambil keputusan untuk berlindung di Kufah, yang beliau menjadikan kapitalnya. Beliau seterusnya menyerang Basrah dengan tenteranya, yang dengan mudahnya mengalahkan pemberontak di situ

dalam perperangan yang dikenali sebagai *the Battle of the Camel*. Perperangan ini dikenali sedemikian kerana Aishah, yang sedang berada bersama tenteranya, melihat pertempuran dari belakang untanya. Selepas kemenangan ini, Ali memberikan pekerjaan yang paling baik kepada penyokongnya. Beliau juga membahagikan kebendaannya sesama penyokongnya. Tetapi, beliau tidak mematuhi 'soldier's right' kerana beliau tidak membenarkan penyokongnya untuk mengeksplorasi Sawad, satu kawasan pertanian yang sangat kaya di sekitar Kufah, yang memberikan Empayar Parsi lama dengan kebanyakan hasil-hasil mereka. Beliau juga gagal memuaskan hati parti dan penyokongnya sendiri, kerana tidak mengutuk kes pembunuhan Uthman. Hal ini menyebabkan Ali sangat diragui oleh partinya sendiri.

Pemerintahan Ali juga tidak diterima di Syria, di mana pihak pembangkang dipimpin oleh Muawiyyah dari kapitalnya sendiri di Damsyik. Uthman merupakan seorang kerabat Muawiyyah, dan inilah tugas beliau sebagai seorang ketua Arab untuk membala dendam kematian Uthman. Beliau disokong oleh golongan yang kaya di Mekah dan juga orang-orang Arab di Syria, yang menyokong cara pemerintahannya yang kuat dan bijak. Kemungkinan Ali berasa simpati terhadap kedudukan Muawiyyah, dan pada awalnya tidak mengambil langkah untuk menentang Muawiyyah. Tetapi kes di mana saudaramara dan sahabat Nabi nersedia untuk menyerang antara satu sama lain adalah sangat membimbangkan. Misi Muhammad pada awalnya adalah untuk mempromosikan perpaduan dalam kalangan Umat Islam dan menyatukan umat Islam supaya ia mencerminkan perpaduan antara Tuhan. Untuk mengelakkan kemungkinan berlakunya konflik yang berterusan, kedua-dua pihak cuba untuk berundingkan penyelesaian di Siffin pada 657, tetapi perundingan tersebut adalah tidak meyakinkan. Penyokong Muawiyyah meletakkan salinan al-Quran pada hujung tombak-tombak mereka sendiri dan menyeru supaya umat Islam yang tidak menyokong mana-mana parti untuk mengadili hal ini selaras dengan kehendak Tuhan. Hal ini kelihatannya menentang Ali, tetapi kebanyakkan pengikutnya cuba memujuk beliau untuk menerimanya. Berasa kuat kuasanya, Muawiyyah mengalahkan Ali, dan menghantar tenteranya ke Iraq dan mengistiharkan dirinya sebagai khalifah di Jerusalem.

Tetapi, beberapa penyokong Ali yang lebih radikal enggan menerima hakikat ini. Mereka berasa terkejut dengan penyerahan Ali. Pada pandangan mereka, Uthman gagal untuk mencapai standard al-Quran. Ali berkompromi dengan penyokongnya dengan ketidakadilan kerana beliau gagal membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh Uthman dan oleh sebab itu, bukan seorang Islam yang sejati. Mereka menarik diri dari ummah, di mana mereka mendakwa mengkhianati semangat al-Quran, dan mendirikan khemah mereka sendiri dengan seorang komander yang bebas. Ali menindas pelampau ini, yang selepas ini dikenali sebagai khawarij atau '*'Seceders'*', menghapuskan pemberontak asal, tetapi pergerakan ini mendapat ramai pengikut di seluruh empayar. Ramai yang kecewa dengan nepotisme semasa pemerintahan Uthman, dan ingin mengimplikasikan semangat egalitarian al-Quran. Yang Khawarij sentiasa merupakan kumpulan yang kecil sahaja, tetapi kedudukan mereka adalah sangat penting, oleh sebab hal ini merupakan kes pertama yang penting dari segi Islam, di mana politik menjelaskan moral ummah dan membawa kepada pembangunan teologi baru. Khawarij menegaskan bahawa pemerintah masyarakat Islam tidak perlulah seorang yang paling kuat, tetapi perlu seorang yang paling komited dalam agama Islam, dan khalifah tidak sepatutnya seorang yang menginginkan kuasa seperti Muawiyyah. Tuhan memberikan manusia kebebasan percuma, dan beliau seorang sahaja yang akan menghukumkan orang yang berdosa seperti Muawiyyah, Uthman dan Ali, yang oleh sebab mengkhianati Islam, menjadi seorang murtad. Khawarij adalah golongan yang terlampaui tetapi mereka memaksa umat Islam untuk mempertimbangkan yang mana seorang Muslim dan yang mana bukan. Kepercayaan kepimpinan politik sebagai idea agama adalah begitu penting sehingga membawa kepada perbincangan mengenai sifat Tuhan, takdir dan kebebasan manusia.

Kalampauan perbuatan Ali terhadap golongan Khawarij menyebabkan beliau kehilangan kebanyakan kesokongannya, termasuklah yang ada di Kufah. Muawiyyah membawa keuntungan yang banyak dan stabil tetapi kebanyakan orang Arab kekal neutral. Percubaan kali kedua untuk mencari calon untuk menjadikan khalifah gagal juga. Muawiyyah bersama dengan tenteranya mengalahkan rintangan

pemerintahannya di Arabia, dan pada 661 Ali dibunuh oleh seorang Kharajite. Mereka yang kekal setia kepada pemerintahan Ali mengiktirahkan anak beliau sebagai Hasan, tetapi Hasan bersetuju dengan pihak Muawiyyah, dengan pertimbangan kewangan, untuk bersara ke Madinah, dan beliau hidup tanpa menglibatkan diri dalam politik sehingga kematiannya para 669.

Oleh sebab itu, ummah memasuki kepada fasa yang baru. Muawiyyah menjadikan Damsyk sebagai kapitalnya dan berdaya untuk memulihkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Islam. Tetapi ummah Islam Iraq dan Syria kini berasa bermusuhan antara satu sama lain. Berdasarkan pengalaman lalu, Ali dianggap sebagai seorang yang baik dan alim dan mengalahkan konsep dan logik politik praktikal. Kes pembunuhan seorang lelaki yang merupakan lelaki pertama untuk memeluk Islam dan saudara lelaki terdekat Rasulullah dianggap sebagai satu peristiwa yang memalukan. Hal ini menimbulkan soalan mengenai integriti dan moral ummah. Menurut kepercayaan Arab, Ali dianggap untuk mewarisi beberapa kualiti yang baik dari Rasulullah, dan keturunan lelaki beliau dijadikan pihak berkuasa utama agama. Nasib Ali pula, sebagai seorang lelaki yang dikhianati oleh kawan-kawan serta musuh-musuhnya, dijadikan sebagai simbol wujudnya ketidakadilan dalam kehidupan. Dari semasa ke semasa, masyarakat bermuslim yang membantah kelakuan dan pemerintahan khalifah akan berudur dari ummah, seperti yang dilakukan oleh Khawarij, memanggil semua umat Islam yang suci untuk menyertai perjuangan mereka untuk mencapai standard yang lebih tinggi badi Islam. Selalunya mereka akan menuntut bahawa mereka adalah dimiliki oleh Shiah i-Ali, Penyokong-penyokong Ali.

Yang lain pula, walau bagaimanapun, mengambil pendirian yang lebih neutral. Mereka berasa terkejut dengan kes pembunuhan yang memusnahkan ummah, dan seterusnya perpaduan menjadi lebih penting dalam nilai Islam berbanding dengan sebelum itu. Ramainya yang tidak berpuas hati dengan Ali, tetapi mereka mendapati bahawa Muawiyyah adalah sangat tidak sesuai juga. Mereka mela untuk mengimbas kembali pada tempoh Khulafa empat '*the four Rashidun*' sebagai masa di mana Umat Islam diperintah oleh orang-orang yang

taat kepada Islam, orang-orang yang berkenalan baik dengan Nabi tetapi dibawa turun oleh orang-orang zalim yang rendah. Peristiwa *the First Fitnah* ini menjadi acara yang simbolik, dan pihak lawan kini menjadikan acara ini sebagai panduan kerana meraka gagal untuk menjelaskan perbuatan mereka untuk memperjuangkan Islam. Walaubagaimanapun, semua pihak bersetuju bahawa peralihan dari Madinah, ibu negara Nabi dan Khulafa, ke Umayyad Damsyik adalah lebih daripada bertujuan politik sahaja. Umat Islam yang lebih warak sangat berprihatin untuk mencari cara baru untuk mengembalikan agama Islam ke landasan yang betul (Karen Armstrong, 2002: 33)

## KESIMPULAN

Sewaktu pemerintahan Rasulullah, Islam berkembang dengan amat pesat. Daripada bermulanya wahyu pertama yang diturunkan Allah melalui Jibril kepada Nabi Muhammad, sehingga kewafatan beliau, baginda berjaya mengambil semula kota Mekah dan menjadikannya sebagai pusat ibadat islam. Dan seterusnya, Islam terus berkembang di bawah naungan Khalifah al-Rasyidin. Khalifah-khalifah tersebut berjaya menyebarkan Islam ke seluruh Tanah Arab. Oleh itu, kita haruslah menghayati dan menghargai perjuangan Rasulullah dan sahabatnya dalam menyebarkan islam. Justeru itu, sama-sama kita berjuang semula untuk memartabatkan islam di mata dunia.

## RUJUKAN

- Karen Armstrong. 2002. *Islam A Short History*, United States: Modern Library
- Moenawar Khalil K.H. 1999. *Sejarah Lengkap*. Jld. 1-7 Jakarta: Darul Kitab Sdn. Bhd.
- Sayyed Hossein Nasr. 2003. *Islam - Religion, History, and Civilization*, Harper Collins e-book
- Tariq Ramadan. 2007. *In the Footsteps of The Prophet, Lessons from the Life of Muhammad*, Oxford University Press, Inc.